

**PEMIKIRAN TENGKU MARIAM DARI ASPEK BUDAYA DAN
SEJARAH DALAM PENULISAN MANUSKRIP MELAYU
KOLEKSI MUZIUM NEGERI TERENGGANU
THE CULTURAL AND HISTORICAL PERSPECTIVES OF TENGKU
MARIAM IN MALAY MANUSCRIPT WRITING IN THE
COLLECTION OF TERENGGANU STATE MUSEUM**

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
43400, Universiti Putra Malaysia, Serdang
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

emel: salmahjan@upm.edu.my

Dihantar/Received: 25 Mei 2024 | Penambahbaikan/Revised: 7 September 2024

Diterima/Accepted: 7 November 2024 | Terbit/ Published: 20 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i2.5762>

Abstrak: Nama Tengku Mariam sebagai pujangga wanita istana tidak begitu menyerlah dan terasing dari perhatian sarjana walaupun baginda banyak menghasilkan penulisan manuskrip dalam pelbagai genre. Kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap Tengku Mariam adalah bertemakan seni tarian yang rata-ratanya cenderung membincangkan jasa Tengku Mariam dalam joget gamelan Pahang di Terengganu. Oleh itu, permasalahan utama dalam penulisan ini ialah kekurangan penelitian terhadap pemikiran Tengku Mariam dalam penulisan manuskrip sebagai seorang pujangga wanita istana, selain daripada fokus kajian terdahulu yang cenderung kepada seni tarian. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan menyelidik dan menganalisis penulisan manuskrip Tengku Mariam terutama dari aspek budaya dan sejarah yang terdapat dalam koleksi Muzium Negeri Terengganu. Hal ini penting dilakukan agar masyarakat dapat mengetahui kandungan penulisan manuskrip Melayu yang telah dihasilkan oleh baginda sebagai pujangga wanita istana. Justeru, objektif kajian dalam penulisan ini ialah mengenal pasti dan menganalisis pemikiran Tengku Mariam dari aspek budaya dan sejarah dalam penulisan manuskrip Melayu koleksi Muzium Negeri Terengganu. Kaedah kepustakaan dan analisis kandungan digunakan untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa penulisan manuskrip yang dihasilkan oleh Tengku Mariam mempunyai pemikiran dari aspek budaya yang dapat ditelusuri daripada permainan rakyat, manakala pemikiran sejarah menerusi catatan

lawatan diraja. Penulisan ini diharapkan akan dapat membantu memberi pemahaman komprehensif selain menjadi sumber rujukan kepada masyarakat untuk mengetahui kandungan penulisan manuskrip yang dihasilkan oleh Tengku Mariam.

Kata kunci: Tengku Mariam, penulisan manuskrip, pujangga istana, Muzium Negeri Terengganu, Pahang.

Abstract: Tengku Mariam's name as a court lady poet is not very prominent and isolated from the attention of scholars even though she has produced many manuscripts from various genres. Most of the studies conducted on Tengku Mariam are on the theme of dance, which tends to discuss Tengku Mariam's services in the Pahang gamelan dance in Terengganu. Therefore, the main problem in this writing is the lack of scrutiny of Tengku Mariam's thoughts in writing manuscripts as a palace lady poet apart from the focus of previous studies which tend to dance art. This situation shows that there is a need to research and analyze Tengku Mariam's manuscript writing, especially from the cultural and historical aspects found in the collection of the Terengganu State Museum. This is important to do so that the public can know the content of Malay manuscript writing that has been produced by the Sultan as a palace lady poet. Therefore, the objective of this study is to identify and analyze Tengku Mariam's thoughts from cultural and historical aspects in the writing of Malay manuscripts in the collection of the Terengganu State Museum. Literature and content analysis methods were used to achieve the objectives of the study. The results of the study show that the manuscript writing produced by Tengku Mariam has a cultural perspective that can be traced from folk games while historical thinking through the records of royal visits. With this writing, it is hoped that it will be able to help provide a comprehensive understanding and can also be used as a reference source for the public to find out the content of manuscript writing produced by Tengku Mariam.

Keywords: Tengku Mariam, manuscript writing, palace woman's poet, Terengganu State Museum, Pahang.

PENGENALAN

Tengku Mariam Al-Marhum Sultan Ahmad Mua'zzam Shah (1882-1914) merupakan pujangga wanita istana yang telah menulis karya dalam pelbagai tema. Antara karya yang dihasilkan oleh Tengku Mariam ialah *Syair Perkahwinan Dahulu Kala*, *Syair Pelayaran ke Tanah Jawah*, *Syair Pelayaran ke Negeri Siam dan Syair Pelayaran ke Medan, Deli dan Brastagi*, *Syair Ingatan Kahwin (Jilid 1 & 2)*, *Buku Lawatan Yang Maha Mulia dan Tengku Ampuan*, *Salasilah Sultan Omar*, *Syair- Syair Tengku Ampuan Mariam* dan *Joget Pahang dan Gamelan*. Selain itu, Tengku Mariam juga merupakan penyalin kepada manuskrip *Hikayat Usul Majlis Perdana Alam* dan *Hikayat Isma Yatim*. Menurut Mohd. Yusof Abdullah (2001), terdapat 40 buah manuskrip milik Tengku Mariam yang telah diserahkan kepada pihak Muzium Negeri Terengganu sama ada yang ditulis, disalin ataupun disimpan oleh Tengku Mariam. Perkahwinan antara Tengku Mariam dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920-1942), Sultan Terengganu ke-13 pada 21 Julai 1913 merupakan faktor utama penghijrahan baginda ke Terengganu. Walaupun baginda menetap tinggal di istana Terengganu, hal tersebut tidak menafikan hak baginda sebagai pujangga yang berasal daripada istana Pahang.

Sungguhpun banyak menghasilkan karya, nama Tengku Mariam sebagai pujangga wanita istana Terengganu tidak begitu menyerlah dan terasing daripada perhatian sarjana dalam bidang penyelidikan sekiranya dibandingkan dengan pujangga wanita istana lain seperti Raja Aisyah Raja Sulaiman berasal daripada Kerajaan Riau yang menghasilkan *Syair Khadamuddin* (1926) dan Tengku Dalam Kalthum dengan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* (1936) yang mendapat perhatian daripada para sarjana seperti kajian Ding Choo Ming (1999, 2011), Barbara Andaya (2003), Jelani Harun (2015), Rahimah Hamdan (2020), Mardiana Nordin (2022), Norazilawati Abd Wahab et al. (2022). Hal ini berlaku kerana penelitian sebelumnya lebih menekankan sumbangan Tengku Mariam dalam seni joget gamelan Pahang seperti yang dilakukan oleh Ahmad Omar Ibrahim (2005), Muhammad Fazli Taib Saearani dan Agus Cahyono (2016), serta Marion D'Cruz (2020) yang meneliti jasa Tengku Mariam dalam konteks tersebut, termasuk kesan kemerosotan tarian seni joget gamelan akibat Perang Dunia kedua. Jelani Harun (2001) turut mengakui bahawa

Tengku Mariam sangat diingati sebagai tokoh yang menghidupkan tradisi tarian gamelan Pahang berbanding dengan kajian terhadap penulisan manuskrip yang dihasilkan oleh Tengku Mariam.

Namun begitu, tidak dinafikan melalui penelitian, terdapat kajian oleh Mardiana Nordin dan Muhamad Safwan Mohd A'Seri (2014) yang menumpukan kajian kepada aspek sejarah terhadap penulisan manuskrip Tengku Mariam. Walau bagaimanapun, kajian ini masih belum menyorot pemikiran Tengku Mariam dalam penulisan manuskrip dan peranannya sebagai pujangga wanita. Oleh itu, penelitian lebih lanjut perlu dilakukan dalam bidang penulisan Tengku Mariam untuk menyokong dan meneroka hasil kajian yang lebih menyeluruh. Hal ini akan menyebarkan ilmu dan masyarakat dapat memperoleh manfaat daripadanya serta dapat menghayati keintelektualan Tengku Mariam sebagai seorang pujangga istana. Penulisan ini akan menyorot dua buah manuskrip daripada koleksi Muzium Negeri Terengganu sebagai bahan penelitian. Penelitian ke atas kedua-dua buah manuskrip ini akan membuka ruang untuk menggali pemikiran Tengku Mariam dari aspek sejarah dan budaya.

SOROTAN KAJIAN

Tengku Mariam Almarhum Sultan Ahmad Mua'zzam Shah telah memberi sumbangan besar terhadap bidang kesenian dan kebudayaan negeri Pahang dan Terengganu apabila memperkenalkan joget gamelan Pahang dan menurunkan warisan seni budaya tersebut di negeri Terengganu. Perkahwinan Tengku Mariam dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920-1942), Sultan Terengganu ke-13 telah mengukuhkan lagi kedudukan gamelan di Terengganu. Pernyataan ini adalah berdasarkan kepada kajian lepas yang mengiktiraf sumbangan Tengku Mariam dalam dunia joget gamelan Pahang. Hasil dapatan oleh Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail (1986), Nur Zuraidah Mohamad (2012) dan Muhammad Fazli Taib Saearani (2016), Nabilah Mohamad Amran et al. (2018) dan Jafar Norsafini dan Thiagarajan Premalatha (2023) menunjukkan bahawa perkembangan joget gamelan di Terengganu adalah usaha yang dilakukan oleh Tengku Mariam. Setelah berkahwin, baginda telah membawa dan memperkenalkan seni budaya Pahang ke Terengganu dengan melatih pemuda dan pemudi di Terengganu bermain peralatan muzik dan juga telah

menubuhkan kumpulan joget gamelan yang dikenali sebagai “Budak Joget” dengan tujuan melestari warisan Pahang di Terengganu.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Marion D’Cruz (2020) menunjukkan bahawa tarian joget gamelan merupakan tarian klasik golongan istana pada abad ke-18. Beliau menyatakan bahawa tarian joget gamelan di Terengganu berasal dari negeri Pahang dan diperkukuhkan di Terengganu oleh Tengku Mariam. Kajian beliau juga berfokuskan kepada aksesori yang dipakai serta gerak tari gamelan yang dipersembahkan di istana. Menurut Marion D’Cruz, tarian gamelan Tengku Mariam mempunyai corak dan perwatakan yang tersendiri berbanding dengan tarian gamelan di Kepulauan Riau atau Jawa. Kajian Zulkifli Mohamad (2022) pula berfokus kepada kesignifikan peranan Tengku Mariam yang memperkembangkan seni dan budaya di negeri Terengganu terutamanya dalam perkembangan tarian dan muzik gamelan. Beliau menyatakan bahawa usaha Tengku Mariam dalam bidang ini semakin mengukuh pada tahun 1920 selepas kemahkotaan Sultan Sulaiman dengan membawa penari-penari dari Pahang untuk melatih penari-penari di bawah pimpinan Tengku Mariam sendiri.

Kekerapan perbincangan kajian lepas menunjukkan bahawa Tengku Mariam sememangnya terkenal dengan joget gamelan di Terengganu. Namun begitu, apabila penulis melakukan kajian lapangan di Muzium Negeri Terengganu, ternyata Tengku Mariam turut menghasilkan penulisan manuskrip Melayu. Antara manuskrip Melayu yang telah dihasilkan oleh baginda ialah *Syair Perkahwinan Dahulu Kala*, *Syair Pelayaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Ke Jawa, Siam Dan Medan*, *Syair Ingatan Kahwin (Jilid 1 & 2)*, *Buku Lawatan Yang Maha Mulia dan Tengku Ampuan*, dan *Salasilah Sultan Omar*. Hal ini membuktikan Tengku Mariam bukan sahaja berperanan penting dalam memperkembangkan tarian joget gamelan Pahang di Terengganu tetapi juga telah menghasilkan karya intelektual sebagai pujangga wanita di istana yang bermanfaat kepada masyarakat. Menerusi penelitian, Mardiana Nordin dan Muhamad Safwan Mohd. A’Seri (2014) telah meneliti sebuah manuskrip penulisan berkenaan lawatan Tengku Mariam ke luar negara. Hasil dapatan mereka menunjukkan bahawa Tengku Mariam mempunyai stail kepengarangan tersendiri. Beliau menjadikan penulisan karya sebagai catatan harian untuk mencatat

perjalanan pasangan diraja dan menjadikannya sebagai perkara utama membentuk plot karangan dalam penulisan.

Walaupun begitu, kajian terhadap penulisan manuskrip Tengku Mariam masih terbatas kerana para sarjana belum banyak meneroka dan memanfaatkan hasil tulisan baginda. Kekurangan kajian yang dilakukan terhadap penulisan manuskrip Tengku Mariam menunjukkan perlunya penelitian lanjut dan skop perbincangan yang lebih luas daripada para akademik untuk lebih memahami serta menghargai sumbangan baginda dalam bidang penulisan manuskrip. Hal ini selari dengan pernyataan Jelani Harun (2001) yang menggesa agar dijalankan kajian terperinci daripada pelbagai sudut kajian untuk mengesahkan kedudukan Tengku Mariam sebagai pengarang manuskrip Melayu. Perkara ini penting dilaksanakan untuk mengetahui dan mengetengahkan elemen kepengarangan seperti falsafah, pemikiran, elemen bahasa, sastera, seni serta budaya yang terdapat dalam penulisan Tengku Mariam. Hal ini demikian kerana dalam rekod Muzium Negeri Terengganu, Tengku Mariam menghasilkan tulisan yang pelbagai tema merangkumi sejarah, autobiografi dan catatan pengembaraan (travelog) yang membuktikan kehebatan keintelektualan penulisan Tengku Mariam sebagai pujangga wanita. Justeru, adalah wajar dilakukan penyelidikan terhadap sumbangan Tengku Mariam sebagai pujangga wanita istana dalam penulisan manuskrip Melayu, terutamanya terhadap pembangunan minda dan sahsiah masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran Tengku Mariam dari aspek budaya dan sejarah melalui penulisan manuskrip baginda yang terdapat dalam koleksi Muzium Negeri Terengganu.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kaedah kepustakaan, fokus pembacaan diarahkan kepada jurnal, tesis dan sumber ilmiah dalam talian untuk menyelidik kajian terdahulu dan mengenal pasti permasalahan kajian yang relevan. Terdapat empat langkah utama dalam tatacara kajian ini, iaitu pemilihan, pengumpulan, analisis dan rumusan data. Pada peringkat pemilihan data, tumpuan diberikan pada data

yang berkaitan. Proses pengumpulan data pula melibatkan penyelidikan terhadap bahan yang sesuai dengan objektif kajian dan setiap maklumat yang relevan akan dicatatkan. Pada peringkat analisis data, maklumat yang berkaitan dengan topik kajian akan dihuraikan dan dianalisis. Kaedah analisis kandungan yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis tematik. Analisis tematik merupakan suatu pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti tema utama dalam teks. Analisis tematik dalam penulisan ini membantu mengenal pasti dan menganalisis pemikiran Tengku Mariam dari aspek budaya dan sejarah dalam penulisan manuskrip Melayu, koleksi Muzium Negeri Terengganu.


HASIL DAPATAN KAJIAN

Dalam analisis kajian, perbincangan akan ditumpukan kepada pemikiran Tengku Mariam tentang budaya dan sejarah. Perbincangan ini akan tertumpu kepada pemikiran Tengku Mariam terhadap budaya masyarakat melalui permainan rakyat dan juga pemikiran Tengku Mariam terhadap aspek sejarah melalui catatan lawatan diraja. Pemikiran Tengku Mariam dalam kedua-dua bahagian perbincangan ini dilihat dapat mengangkat nilai-nilai etika, dan keharmonian serta kepentingan warisan budaya dan pemahaman sejarah kepada masyarakat.

Pemikiran Tengku Mariam Terhadap Budaya Masyarakat Melalui Permainan Rakyat

Dalam kajian lapangan yang dilakukan, penulis mendapati bahawa terdapat satu buah manuskrip Melayu dalam Koleksi Muzium Negeri Terengganu yang berfokus kepada permainan rakyat iaitu permainan congkak yang bertajuk *Buku Tulisan Tangan Main Congkak* dengan nombor panggilan LMN.TR 1985.17. Manuskrip ini merupakan suatu warisan budaya yang penting dalam mengekalkan dan menyebarkan pengetahuan tentang permainan rakyat tradisional dalam kalangan masyarakat. Tulisan yang menggunakan aksara Jawi dengan 20 baris serta 4 hingga 13 patah perkataan sebaris menunjukkan kesungguhan baginda dalam menyampaikan maklumat tentang permainan congkak. Menerusi gaya penulisan yang mudah dibaca dan menggunakan pensel, manuskrip ini tidak hanya dijadikan sebagai

sumber ilmu yang bernilai tetapi juga rakaman warisan kebudayaan yang perlu dipelihara untuk generasi masa depan.



Gambar 1: LMN.TR 1985.17. *Buku Tulisan Tangan Main Congkak*
Sumber: Muzium Negeri Terengganu

Gambar 1 di atas diambil oleh penulis semasa melakukan kajian di Muzium Negeri Terengganu pada bulan Februari 2024. Dalam karya Tengku Mariam ini, baginda memberikan panduan cara bermain congkak. Tidak dinafikan bahawa salah satu permainan tradisional yang terkenal di Malaysia ialah congkak. Berdasarkan kepada dapatan sejarah, congkak dibawa masuk ke Asia Tenggara pada kurun ke-15 melalui perdagangan (Siti Hajar, 2018). Di Indonesia, congkak juga dikenali sebagai *conglak* atau *dakon* (Indra Lacksana, 2017). Permainan congkak dimainkan dalam dua situasi iaitu pada waktu senggang ataupun dijadikan sebagai acara dalam suatu pertandingan. Permainan ini menggunakan papan kayu berlubang atau lubang di atas tanah dan kebiasaannya buah congkak yang digunakan adalah biji getah atau guli.

Menurut Noraziah Chepa dan Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (2017), setiap pemain akan mempunyai tujuh lubang berturut-turut dengan sebuah lubang besar di sebelah kiri masing-masing yang dipanggil ‘rumah’.

Setiap lubang akan berisi tujuh ‘buah’ yang sering kali dibuat daripada batu kerikil, biji asam jawa, ataupun cangkerang. Dheka D. A. Rusmana (2010) pula mengatakan bahawa papan congkak berisi 2X7 cekungan, dua cekungan indung yang dilengkapi dengan kuwuk atau kerikil atau biji-bijian yang berukuran kecil. Setiap cekungan (kecuali indung) harus diisi tujuh buah butir sehingga seluruhnya memerlukan 98 butir. Seiring dengan perkembangan congkak, orang ramai mula beralih menggunakan papan kayu yang meniru lubang-lubang yang dibuat di tanah. Congkak juga dikenali sebagai permainan yang memerlukan strategi kerana melibatkan pengiraan. Pemain yang mempunyai biji getah atau guli yang banyak akan memenangi permainan tersebut.

Dalam *Buku Tulisan Tangan Main Congkak*, Tengku Mariam turut menyatakan kaedah bermain congkak kepada masyarakat. Permainan bermula dari persiapan bermain congkak, iaitu dengan menyediakan papan congkak yang mempunyai dua baris lubang dan sebuah lubang besar di setiap hujung papan yang dipanggil sebagai ‘rumah’ dan setiap lubang mempunyai tujuh biji kecuali pada bahagian lubang ‘rumah’ yang dibiarkan kosong. Selepas itu, dinyatakan pemain akan memulakan permainan secara mengacak. Pemain pertama mengambil semua biji dari satu lubang pada bahagian barisnya dan membahagikannya satu per satu lubang ke lubang berlawanan arah pusingan jam, termasuk rumah lawan jika melalui lubang tersebut, dengan sekiranya biji terakhir jatuh ke dalam rumah sendiri akan memberi pemain pertama giliran tambahan. Pemain bergantian melakukan langkah yang sama sehingga salah satu pemain kehabisan biji pada bahagian barisnya. Permainan berakhir, dan baki biji akan dibawa pada baris lawan dan dikumpulkan oleh pemain yang masih memiliki biji di bahagian barisnya, kemudian ditambahkan ke dalam rumahnya. Pemenangnya akan ditentukan dengan jumlah biji terbanyak pada rumahnya.

Hasil daripada pembacaan terhadap manuskrip ini dapat diketengahkan tentang pemikiran Tengku Mariam yang menekankan bahawa permainan congkak bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan semata-mata, sebaliknya membawa mesej penting tentang kerjasama dan toleransi antara pemain. Setiap gerakan biji congkak dalam permainan ini mengandungi nilai etika yang mengajar untuk menghargai kejayaan dengan sikap rendah hati dan menerima kekalahan dengan hati yang terbuka. Dalam

konteks ini, pengalaman bermain congkak dapat menyampaikan pengetahuan tentang nilai kemanusiaan, keadilan, dan keharmonian dalam hidup bermasyarakat. Menurut Aisyah Farhah Mohd Yusri dan Ahamad Jama'Amin Yang (2024), nilai ini yang dinamakan sebagai nilai kebersamaan dapat memupuk nilai murni dalam kalangan masyarakat dan akan mewujudkan semangat nasionalisme dalam diri masing-masing. Dengan kata lain, pemikiran Tengku Mariam ini menyokong idea bahawa konsep pembelajaran melalui permainan boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian untuk membentuk individu yang lebih beretika, bertolak ansur, dan berdaya saing.

Selain itu, pemikiran yang dapat diketengahkan dari penulisan Tengku Mariam tentang permainan congkak adalah dapat membina ikatan perhubungan yang kukuh. Tengku Mariam melihat permainan congkak sebagai medium untuk memupuk rasa hormat menghormati dalam kalangan pemain. Baginda melukiskan permainan ini sebagai satu cara yang efektif untuk memperkukuh hubungan sosial dan menanam semangat kekeluargaan serta solidariti terhadap masyarakat. Menurut Siti Nor Azhani dan Latifah (2017), solidariti terhadap masyarakat dapat mendorong sikap taat setia, bekerjasama, patuh kepada norma masyarakat dan mengatasi sifat mementingkan diri dan individualistik. Dengan demikian, permainan congkak tidak hanya melatih kemahiran taktikal dan strategik tetapi juga menjadi medium yang memperkukuhkan ikatan sosial, nilai tradisional, dan keharmonian dalam masyarakat.

Di samping itu, pemikiran tentang pendidikan dan pembelajaran menerusi permainan rakyat dapat dilihat sebagai satu medium yang dapat membina perwatakan. Menurut Lickona, T. (2012), pendidikan perwatakan ialah pendidikan moral yang melibatkan aspek pengetahuan (kognitif), perasaan, dan tindakan. Tanpa kehadiran ketiga-tiga aspek ini, pendidikan ini tidak akan berkesan. Hal ini bermakna permainan congkak juga dapat merangsang kemahiran kognitif serta kemahiran perancangan pergerakan dan analitikal yang berjaya. Selain itu, aspek imiginasi aktif yang dirangsang melalui permainan congkak boleh membawa kepada penyelesaian masalah yang lebih efektif dalam kehidupan harian, melatih pemikiran kreatif, dan memperkukuh kemahiran berfikir kritis (Dheka D.A Rusmana, 2010). Melalui penekanan kepada aspek ini, pemikiran Tengku

Mariam tentang *Buku Tulisan Tangan Main Congkak* dapat diterjemahkan sebagai sumber pembelajaran yang holistik, tidak hanya dari segi pembangunan nilai budaya dan Pembangunan peribadi tetapi juga dalam memperkembangkan keupayaan mental dan emosi pemain dan masyarakat dalam menghadapi cabaran hidup seharian dengan lebih teratur.

Pelestarian budaya merupakan antara pemikiran Tengku Mariam terhadap budaya masyarakat melalui permainan rakyat yang dikenal pasti menerusi *Buku Tulisan Tangan Main Congkak*. Tengku Mariam mengetengahkan permainan congkak adalah satu cara mewarisi tradisi budaya lama yang dipegang teguh dari satu generasi ke generasi seterusnya. Baginda juga berusaha membuat catatan atau panduan permainan congkak untuk mengekalkan nilai tradisi budaya dalam aktiviti bermain congkak dan menjadikannya sebagai satu bentuk warisan budaya. Syed Muhammad Adib Termizi Ahmad al-Jafari (2023) menyatakan usaha pelestarian budaya suatu bangsa juga turut berperanan dalam mengekalkan sejarahnya, menghidupkan asal usul serta menyambung warisan tamadun kepada generasi seterusnya. Oleh itu, pelestarian budaya yang diusahakan oleh Tengku Mariam dalam manuskrip ini memperlihatkan kepentingan keberlangsungan nilai-nilai dan identiti masyarakat tempatan sebagai satu aset berharga yang perlu dijaga dan dipertahankan demi generasi masa kini dan akan datang.


Pemikiran Tengku Mariam Terhadap Aspek Sejarah Menerusi Catatan Lawatan Diraja

Sumbangan penting Tengku Mariam ke atas Pahang sememangnya sangat besar apabila berjaya mengembalikan semula hubungan diplomatik dengan Kerajaan Terengganu. Perkahwinan diplomatik sosial tersebut telah mengeratkan kembali hubungan antara Pahang dan Terengganu yang keruh sebelumnya, kesan penceraian Tengku Long, kakak kepada Tengku Mariam dengan Sultan Zainal Abidin III, Terengganu pada 1895 (Jelani Harun, 2015). Kepentingan hubungan diplomatik adalah untuk mengukuhkan pentadbiran dan pemerintahan dari aspek politik, ekonomi dan sosial di samping menjaga kebajikan rakyat sesebuah kerajaan (Mohd Jamil Mukmin, 2011). Berdasarkan penulisan yang dihasilkan, dapat dilihat bahawa Tengku Mariam menjaga hubungan tersebut dengan menulis

catatan pengembaraan baginda bersama-sama suami baginda, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.

Salah satu ciri yang membezakan karya yang dihasilkan oleh Tengku Mariam ialah kecenderungan baginda untuk mencatat tarikh dan peristiwa pengembaraan bersama-sama suaminya. Hal ini berbeza daripada tradisi penulisan pujangga Melayu yang biasanya tidak memberi penekanan kepada tarikh. Tengku Mariam mengambil pendekatan yang lebih terperinci dalam mendokumentasikan peristiwa-peristiwa tersebut. Menurut Atikah Abd. Azam dan Othman Yatim (2012), tradisi penulisan manuskrip kebanyakannya berbentuk penceritaan dan berpaksi kepada unsur mitos dalam menyampaikan aspek sejarah. Hal ini dianggap oleh Denisova (2011) sebagai suatu identiti corak penulisan yang kreatif. Sebagai permaisuri istana negeri Terengganu, baginda kerap menyertai suaminya dalam pelbagai upacara rasmi dan tidak rasmi yang memberikannya peluang untuk merakam catatan yang kemudiannya dijadikan suatu karya tulisan yang mantap.

Karya penulisan Tengku Mariam yang bertemakan sejarah diberikan judul *Buku Tulisan Tangan Bermacam-Macam Ingatan dan Lawatan* dengan kod panggilan LMN.TR.1985.8. Catatan bertulisan Jawi ini ditulis oleh Tengku Mariam di dalam sebuah buku latihan atau buku tulis sekolah yang bergaris sebanyak 20 baris. Pada halaman depan kulit iaitu di bahagian atas, tercatat tulisan Jawi yang tebal: *Buku Lawatan Yang Maha Mulia Tengku Ampuan*, manakala di bahagian bawah, tertulis: *Macam-macam Ingatan dan Lawatan, Tanah Jawa Pertama, Kedua Bangkok, Medan, dan Brastagi*. Apabila meneliti kertas manuskrip ini, didapati bahawa terdapat nombor pada halaman di bahagian atas setiap helaian serta warna dakwat yang ditebalkan pada perkara penting dan tarikh sebagai peringatan terhadap peristiwa lawatan yang dilakukan oleh Tengku Ampuan.



Gambar 2: LMN. TR. 1985.8. *Buku Tulisan Tangan Bermacam-Macam Ingatan dan Lawatan*. Sumber: Muzium Negeri Terengganu

Keunikan manuskrip ini terletak pada cara Tengku Mariam mendokumentasikan setiap peristiwa yang dimulakan dengan pernyataan tarikh sebelum butiran aktiviti dijelaskan secara terperinci. Penyusunan rekod-rekod ini membolehkan pembaca dapat memahami makna serta kesan setiap peristiwa lawatan dengan lebih menyeluruh. Misalnya, catatan pada 13 Zulhijah 1350 bersamaan dengan 19 April 1932 menyatakan: *Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman pergi ke Kelantan kerana merasmikan pembukaan jalan baru antara Besut dan Kelantan. Baginda tinggal semalam di Kelantan (hlm. 4) dan 31 Ogos 1939, Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman, Tengku Ampuan bersama Regent Tengku Isma, serta lain-lain pergi menuba ikan, Kuala Berang (hlm. 13)*. Walaupun catatan Tengku Mariam secara umumnya mengikut urutan kronologi, tetapi terdapat pengecualian di mana beberapa tarikh ditranskripsi tidak mengikut susunan logik yang biasa. Misalnya, pada halaman terakhir *Buku Lawatan Yang Maha Mulia dan Tengku Ampuan* dapat dilihat pada perkara 6 dan 7 yang ditulis seperti berikut:

1. Malam Isnin 4 Jamadilakhir 1313, hari Keputeraan Sulaiman Sultan.
2. Kahwin di Pahang, 14 Syaaban tahun 1331.
3. Terima kuasa wakil Sultan Mahmud, tahun 1337.

4. Naik Raja, 2 Ramadhan tahun 1338.
 5. Kemahkotaan, 23 Jamadilakhir 1339.
 6. Terima bintang KCMJ, tahun 1341 tahun masihi 1923.
 7. Pergi ke England, 26 Mac, 1356 tahun masihi 1937.
 8. Mangkat, 14 Ramadhan hari Jumaat 1361 tahun masihi 1942
- (Halaman 80)

Selain itu, manuskrip ini juga terserlah dengan pengisahan Tengku Mariam yang merakamkan petikan ucapan semasa majlis jamuan teh di Istana Maziah pada tahun 1939. Menerusi petikan tersebut, pembaca dapat merasai suasana sebenar majlis tersebut dan gambaran interaksi para hadirin yang menggunakan panggilan hormat seperti ‘Yang Berhormat’, ‘Yang Mulia’ dan ‘Yang Berbahagia’. Hal ini bukan hanya menambah dimensi kesantunan dan keistimewaan kepada karya tulisan Tengku Mariam tetapi juga menghidupkan semula detik-detik bersejarah serta adat istiadat yang memeriahkan istana pada zaman tersebut. Kesantunan bahasa merujuk penggunaan bahasa yang halus, beradab sopan, lemah lembut serta tidak menyinggung perasaan pendengar (Zaitul Azma et al., 2011). Antara isi kandungan teks tersebut ialah:

(1) Yang Berhormat Tuan British Adviser, Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar, Yang Mulia Tengku-Tengku, Yang Berhormat Dato’-Dato’, Tuan-tuan Pegawai Putih, Mam-mam dan tuan-tuan sekalian. Saya melafazkan ucapan ini ialah sebagai menyampaikan titah Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Terengganu.

Adapun majlis jamuan yang diadakan ini ialah limpah kurnia Duli Yang Maha Mulia bagi memberi selamat kepada Yang Berbahagia Kapten kerana Peter Murgenson yang telah menerima anugerah Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan gelaran Orang Kaya Wira Bakti. Maka atas jasa-jasa Yang Berbahagia ini di dalam jawatan memang telah maklum. Maka saya sebagai wakil Duli Yang Maha Mulia ini dengan perasaan penuh kesukaan menyampaikan ucapan selamat ini kepada Yang Berbahagia Kapten Orang Kaya Wira Bakti.

Dibaca oleh Abdul Ghani bin Ishak.


(Halaman 13)

Di samping itu, Tengku Mariam turut mendokumentasikan butiran kewangan berkaitan dengan pembinaan Sekolah Tengku Ampuan Mariam. Baginda memberikan gambaran terperinci mengenai perbelanjaan yang dikeluarkan untuk pembinaan sekolah tersebut, termasuk bantuan yang diterima daripada pihak lain. Melalui catatan kewangan ini, pembaca dapat memahami ketelitian dan sistematiknya Tengku Mariam dalam menguruskan aspek kewangan pembinaan sekolah. Catatan kewangan ini juga memberikan rujukan mengenai sumber pendanaan untuk menjayakan projek tersebut dan mencerminkan komitmen serta visi baginda dalam membangun sebuah institusi pendidikan. Melalui pendekatan terperinci ini, bukan sahaja menunjukkan komitmen Tengku Mariam terhadap pendidikan dan pembangunan masyarakat, tetapi juga menonjolkan kecekapan baginda menguruskan aspek kewangan dalam menjayakan projek pembangunan. Inisiatif seperti ini turut memberikan pandangan yang lebih holistik dan komprehensif mengenai pengaruh serta warisan baginda dalam bidang pendidikan masyarakat tempatan. Contoh menerusi petikan di bawah:

Ingatan membuat sekolah perempuan. Dinamakan Sekolah Tengku Ampuan Mariam. Wang yang diserahkan Datuk Andika, Datuk Luar.
Julai 1933, serahan yang pertama \$2000/=

Tempoh	Bayaran
Ogos hingga Disember, sebulan	\$300/=
Januari 1934 hingga Julai sebulan	\$300/=
Tambahan lagi kepada Datuk Luar, Datuk Andika	\$ 400/=
Jumlah	\$6000/=

(Halaman 19)



Gambar 3: LMN. TR. 1985.8

Halaman Ingatan Membuat Sekolah Tengku Ampuan Mariam

Sumber: Muzium Negeri Terengganu



Gambar 4: Sekolah Tengku Ampuan Mariam, Kuala Terengganu,
Terengganu

Sumber: <https://sktamterengganu.blogspot.com/p/sek-keb-tengku-ampuan-mariam-telah.html>

Catatan peristiwa dan tarikh mempunyai peranan penting dalam sebuah karya penulisan, terutamanya dalam konteks sejarah dan pendokumentasian. Hal ini adalah bertujuan mengabadikan sejarah dan memberi jejak yang jelas bagi generasi akan datang untuk memahami peristiwa yang berlaku pada masa lalu di samping menjadi rujukan penting bagi masyarakat dan penyelidik yang ingin menambahkan pemahaman tentang topik yang dibincangkan. Melalui tarikh yang disertakan, karya tersebut juga memberikan konteks yang jelas, membantu masyarakat untuk memahami urutan peristiwa dan hubungan sebab dan akibat. Selain itu, catatan tarikh dapat mengelakkan kekeliruan, mengukuhkan autoriti dan kepercayaan serta dapat mengesahkan kebenaran maklumat yang disajikan. Tegasnya, pemikiran sejarah yang diketengahkan oleh Tengku Mariam merupakan catatan peristiwa dan tarikh yang tidak hanya bertujuan memperkayakan karya dengan perbincangan sejarah semata-mata tetapi juga memberikan penjelasan bagi memahami konteks topik yang dibincangkan. Hal ini sesuai dengan pandangan Muhammad Yusuf Ibrahim (1994) yang menyatakan bahawa elemen sejarah memiliki keupayaan untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman pembaca tentang peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka. Hal ini menyebabkan sejarah berfungsi sebagai alat pendidikan untuk membentuk pemikiran kritis dalam kalangan pembaca.

Kesungguhan Tengku Mariam mendokumentasikan peristiwa dalam penulisan manuskrip Melayu iaitu *Buku Tulisan Tangan Bermacam-Macam Ingatan dan Lawatan* menunjukkan pemikiran baginda tentang pengetahuan aspek sejarah. Baginda memahami bahawa merekod suatu peristiwa bukan sahaja penting pada zaman tersebut tetapi juga untuk generasi akan datang yang ingin mempelajari dan menghargai warisan sejarah. Pendekatan baginda yang terperinci dan teliti dalam mencatat setiap peristiwa dengan tarikh dan butiran yang lengkap, mencerminkan pandangan baginda tentang kepentingan sesebuah fakta sejarah. Dengan adanya rekod seperti ini, dapat dilihat bahawa Tengku Mariam menghargai nilai sejarah sebagai alat untuk memahami dan menilai masa lalu secara objektif. Hal ini juga berkaitan dengan rekod butiran kewangan berkaitan dengan pembinaan Sekolah Tengku Ampuan Mariam. Baginda mendokumentasikan butiran kewangan termasuk perbelanjaan dan bantuan

yang diterima yang menunjukkan ketelusan dalam memastikan kejayaan projek pembangunan sekolah tersebut.

Rekod sejarah membolehkan generasi akan datang dapat meneliti dan mengkaji peristiwa bersejarah tersebut. Hal ini akan membuka peluang membentuk pengetahuan terhadap perkembangan sejarah negeri Terengganu. Selain itu, analisis terhadap catatan-catatan oleh Tengku Mariam juga dapat memperkaya perspektif sejarah yang ditulis sebelumnya dan menghasilkan tafsiran yang lebih kaya dan holistik mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku terutamanya pemahaman tentang sejarah dan identiti negeri Terengganu serta membuka penerokaan lebih lanjut tentang nilai-nilai dan tradisi yang menjadi warisan sejarah yang berharga bagi masyarakat setempat.

Secara ringkasnya, dari aspek pemikiran terhadap aspek sejarah menerusi catatan lawatan diraja menunjukkan bahawa Tengku Mariam ialah pemerisuri yang mempunyai sifat penulisan seperti berikut:

1. dedikasi dalam memahami dan menghargai nilai sejarah sebagai sarana untuk memahami masa lalu.
2. kreatif dalam mencatat tarikh dan butiran pengembaraan dalam memperkaya perspektif pemerintahan dan pentadbiran kesultanan Melayu Terengganu.
3. teliti merekod peristiwa sejarah untuk mengabadikan warisan sejarah bagi generasi akan datang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, penulisan ini menumpukan kepada pemikiran Tengku Mariam dalam aspek budaya dan sejarah menerusi penulisan manuskrip Melayu dalam koleksi Muzium Negeri Terengganu. *Buku Tulisan Tangan Main Congkak* yang ditulis oleh Tengku Mariam merupakan suatu warisan budaya yang penting dalam memelihara dan menyebarkan pengetahuan tentang permainan rakyat tradisional, khususnya permainan congkak. Melalui penulisan ini, Tengku Mariam tidak hanya memberikan panduan tentang cara bermain congkak tetapi juga menyampaikan nilai-nilai sosial, etika, serta keharmonian yang terkandung dalam permainan tersebut.

Pemikiran Tengku Mariam dalam *Buku Tulisan Tangan Main Congkak* menekankan aspek kerjasama, toleransi, dan saling menghormati antara pemain sebagai nilai yang penting untuk dipelajari. Baginda melihat permainan congkak tidak hanya sebagai satu bentuk hiburan tetapi juga sebagai medium yang mengajar interaksi sosial selain merangsang pembangunan kemahiran kognitif, strategik, analitikal, dan kreatif. Penekanan baginda terhadap pelestarian budaya melalui permainan congkak juga memperlihatkan kesungguhan baginda, mewariskan tradisi lama dan memastikan nilai-nilai budaya tersebut terus dipelihara oleh generasi akan datang.

Sementara itu, pemikiran Tengku Mariam terhadap aspek sejarah menerusi catatan lawatan diraja dengan menggunakan *Buku Tulisan Tangan Bermacam-Macam Ingatan dan Lawatan* sebagai bahan penelitian menunjukkan Tengku Mariam seorang yang berdedikasi, kreatif dan teliti dalam merekod sesuatu peristiwa. Melalui catatan tarikh dan butiran peristiwa, baginda berjaya memperkaya pemahaman tentang pemerintahan dan pentadbiran kesultanan Melayu Terengganu serta menunjukkan keprihatinan terhadap warisan sejarah yang penting untuk masyarakat setempat. Pendekatan ini tidak sahaja menggambarkan kesungguhan baginda terhadap sejarah tetapi juga memberikan perspektif yang lebih holistik mengenai peristiwa bersejarah.

Menerusi penelitian dan perbincangan dalam penulisan ini, didapati terdapat pengembangan kajian lanjutan yang boleh diterokai oleh pengkaji lain mengenai penulisan manuskrip Melayu oleh Tengku Mariam. Misalnya, peranan Tengku Mariam dalam pemeliharaan warisan budaya melalui penulisan manuskrip, perbandingan gaya kepengarangan Tengku Mariam dengan pujangga wanita istana sezaman dan juga kajian persepsi masyarakat terhadap penulisan manuskrip Melayu oleh Tengku Mariam. Dengan mengambil kira semua aspek ini, pelbagai kajian yang dijalankan akan memperkaya pengetahuan tentang penulisan manuskrip oleh Tengku Mariam serta memperkukuh usaha melestarikan warisan budaya dan sejarah yang berharga kepada masyarakat kini dan pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai oleh Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) (Geran Mikro 2023, Kod Penyelidikan: 6310100 - 11201) yang bertajuk "Kepengarangan dan Sumbangan Tengku Mariam Almarhum Sultan Ahmad Mua'zzam Shah Sebagai Pujangga Wanita Istana Pahang dalam Penulisan Manuskrip Melayu." Penghargaan juga ditujukan kepada Muzium Negeri Terengganu yang telah membantu penyelidik dalam melancarkan penyelidikan.

RUJUKAN

- Aisyah Farhah Mohd Yusri dan Ahamad Jama'Amin Yang. (2024). Pemupukan semangat patriotisme melalui permainan tradisional dalam mata pelajaran sejarah: Satu tinjauan umum. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(2), 1-9.
- Atikah Abd. Azam & Othman Yatim. (2012). Manuskrip lama: Asas keupayaan dan kearifan Melayu Tradisi. *International Journal of the Malay World and Civilization (IMAN)*, 30 (1), 29-39.
- Denisova, T.A. (2011). *Refleksi historiografi alam melayu*, Universiti Malaya.
- Dheka D. A. Rusmana. (2010). Permainan congkak: Nilai dan potensinya bagi perkembangan kognitif anak. *Patanjala*, 2 (3), 537 – 549.
- Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail. (1986). Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Indra Lacksana. (2017). Kearifan lokal permainan congklak sebagai penguatan karakter peserta didik melalui layanan bimbingan konseling di sekolah. *Satya Widya*, 33 (2), 109-116.
- Jelani Harun. (2001). *Manuskrip Negeri Pahang : Membicarakan Tokoh Pengarang & Penyalin. Seminar Persuratan Pahang: Menjejak Warisan Pahang*, 27-28 October at Auditorium Taman Budaya, Kuantan, Pahang.
- Jelani Harun. (2015). Syair Tawarikh Zainal Abidin yang ketiga sebuah karya agung Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 3 – 15.
- Lickona, T. (2012). Educating for character. Dlm. U.Wahyuddin (ed.). J. A. R. Zien (trans.). Bumi Aksara.
- Marion D'Cruz. (2020). The Royal Dance of the Pahang and Terengganu Courts. *In Sharing Identities: Celebrating Dance in Malaysia*, ed. Mohd Anis Md Nor & Stephanie BurrIDGE, 1-23. Routledge India.

- Mohd Jamil Mukmin. (2011). Sejarah hubungan diplomasi kerajaan Melayu: Satu tinjauan. *Jurnal IKSEP*, 2,71-90.
- Mohd. Yusof Abdullah. (2001). Naskhah-Naskhah Kesultanan Melayu di Muzium Negeri Terengganu. Kertas Kerja Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu, 2-5 Julai 2001, Hotel Quality, Kuala Lumpur.
- Muhammad Fazli Taib Saearani & Agus Cahyono. (2016). The inheritance of Malay palace dance in Malaysia and Yogyakarta classical dance in Indonesia. *HARMONIA: Journal of Arts Research and Education*, 16 (1), 75-86.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (1994). Kepentingan sejarah kepada manusia dan negara. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 22, 25-48.
- Nabilah Mohamad Amran, Wan Nur Afifah Wan Zin, Irwan Kamaruddin Abdul Kadir & Alwi Mohd Yunus. (2018). Joget Melayu istana tarian gamelan menerusi kaedah sejarah lisan. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 2(2), 78-89.
- Noraziah Chepa and Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya. (2017). Reality and challenges of Malaysian digital traditional games. *Journal of Engineering Science and Technology Special Issue on ISSC'2016*, 209 - 218.
- Norsafini, J., & Premalatha, T. (2023). Performing Joget Gamelan through archives and social memory. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), 1-15.
- Nudra Shafini Halis Azhan, Mohd. Zariat Abdul Rani & Salmah Jan Noor Muhammad. (2021). Kesusasteraan Melayu dan persuratan baru: Satu pengamatan kritis tentang sambutan kesarjanaan. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 29 (2), 1449 - 1468.
- Nur Zuraidah Mohamad. (2012). Joget Gamelan Terengganu dari Aspek Penceritaan dan Cabaran Pemeliharaannya (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak). <https://ir.unimas.my/20248/1/Joget%20Gamelan%20Terengganu%20dari%20aspek%20penceritaan...%2824%20pages%29.pdf>.
- Siti Hajar, Maizan. (2018). Congkak variations through design transformation. *Ideology Journal*, 3 (3), 114-126.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Latifah Abdul Latiff. (2017). Semangat kekitaan melalui Teori 'Asabiyah Ibnu Khaldun: Aplikasi dalam masyarakat multi etnik Malaysia. *Proceding of International Conference of Empowering Islamic Civilization Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE)*. Universiti Sultan Zainal Abidin. 7-8 Oktober.

- Syed Muhammad Adib Termizi Ahmad al-Jafari. (2023). Pelestarian warisan kebudayaan Melayu menyumbang kepada penjagaan agama. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(3), 113-128.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan, & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2011). Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 11 (2), 321-338.
- Zulkifli Mohamad. (2022). Joget Gamelan: Di manakah keberadaannya?. Dlm. Halis Azhan Mohd Hanafiah, Muhammad Alif Redzuan Abdullah, Zuraini Jusoh, Rohaidah Kamaruddin & Ernawita Atan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-11*. Universiti Putra Malaysia Press.